

RM750j laksana 10 projek di Terengganu

➔ Pemuliharaan muara Sungai Setiu, Paka, babit kos RM300 juta antara diberi tumpuan

Oleh Hanneeyzah Bahiah Baharin dan Baharom Bakar
bhkt@bh.com.my

► Jertih

Kerajaan meluluskan peruntukan RM750 juta untuk melaksanakan 10 projek utama di negeri ini, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar.

Beliau berkata, antara projek akan dilaksanakan di seluruh Terengganu tahun ini termasuk pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu di Sungai Kemaman, membabitkan peruntukan RM300 juta.

Katanya, projek lain akan dilaksanakan di negeri ini adalah pemuliharaan muara Sungai Setiu

dan Paka, masing-masing membabitkan kos RM150 juta.

"Projek pemuliharaan Sungai Merchang membabitkan peruntukan keseluruhan RM43 juta, rancangan tebatan banjir Kemasik (RM60 juta), naik taraf ban Pantai Lagun Setiu (RM10 juta) dan pemuliharaan menaik taraf Sungai Cepuh, Telemong RM15 juta.

Projek tebatan banjir

"Selain itu, kerajaan juga memperuntukkan RM5 juta untuk projek tebatan banjir Guntung Luar, Setiu; tebatan banjir Kuala Terengganu Utara (RM10 juta) dan tebatan banjir Gong Kiat, Kuala Terengganu sebanyak RM7 juta.

"Dua projek utama dijangka siap tahun ini adalah rancangan tebatan banjir di Sungai Nail, Besut,



Wan Junaidi Tuanku Jaafar

membabitkan peruntukan RM15 juta dan projek pembangunan santuari gajah di Sungai Deka di Tasik Kenyir (RM20.9 juta)," katanya pada sidang media selepas majlis pecah tanah projek pemuliharaan muara Sungai Besut (Gerbang Pelancongan Antarabangsa) oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di Pekan Baru, Kuala Besut, di sini, semalam.

Dr Wan Junaidi berkata, jumlah keseluruhan peruntukan diluluskan untuk pelaksanaan 34 projek di seluruh negeri bermula tahun 2016 hingga 2020 adalah RM1.15 bilion.

Antara yang turut hadir, Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman; Menteri Pendidikan Tinggi, dan Datuk Seri Idris Jusoh yang juga Ahli Parlimen Besut.